

SOALAN NO: 86

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Tuan Chong Chieng Jen
[Bandar Kuching]

SOALAN : Tuan Chong Chieng Jen minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan:-

apa sebabnya pangkalan baru Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia di Muara Tebas tidak disambut baik oleh para nelayan. Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kos tambahan yang dikenakan untuk penggunaan pangkalan baru tersebut.

232

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pangkalan baru Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia di Muara Tebas atau lebih dikenali sebagai Pelabuhan Perikanan LKIM Tanjung Bako Kuching (PPLTB) telah dibina pada tahun 2014 dan siap sepenuhnya pada 21 Julai 2017. Pembinaan pelabuhan tersebut bertujuan untuk menggantikan Kompleks Perikanan LKIM Bintawa yang telah beroperasi sejak tahun 1973 dan tidak lagi sesuai untuk aktiviti perikanan kerana tidak dapat menampung keperluan bot-bot menangkap ikan.

Tapak pelabuhan tersebut telah dikenal pasti oleh pihak Kerajaan Negeri dan ianya selaras dengan perancangan Kerajaan Negeri agar lokasi pelabuhan perikanan berada di luar 'barage' Sungai Sarawak. Ia bertujuan bagi menjimatkan kos minyak dan masa nelayan kerana tidak perlu melalui 'barage' yang hanya dibuka untuk tempoh yang singkat setiap hari.

Sejak mula beroperasi pada 1 Oktober 2017, PPLTB telah menerima pendaratan sebanyak 61 buah vesel perikanan dengan kekerapan sebanyak 110 pendaratan. Sehingga kini, kuantiti pendaratan dianggarkan sebanyak 641 metrik tan dengan nilai berjumlah RM1.511 juta. Di samping itu, sebanyak 159 daripada 176 buah vesel perikanan di kawasan Kuching juga telah mendapatkan input bekalan diesel di PPLTB.

Berdasarkan kepada penggunaan tersebut, secara umumnya PPLTB mendapat sambutan yang baik daripada nelayan dan pengusaha vesel di sekitar kawasan Kuching. Dalam masa yang sama, LKIM turut menerima maklumbalas positif daripada pengusaha serta syarikat industri perikanan dan sehingga kini telah menerima permohonan daripada 15 buah syarikat bagi tujuan pemindahan operasi ke PPLTB.

Bagi mengurangkan kos tambahan yang dikenakan untuk penggunaan pangkalan baru tersebut, LKIM juga telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- i. Mengenakan caj perkhidmatan berdasarkan kepada Kaedah-Kaedah Kompleks yang jauh lebih rendah daripada jeti-jeti swasta;
- ii. Menyediakan caj-caj perkhidmatan secara pakej ;
- iii. Mengecualikan caj kenderaan masuk ke pelabuhan; dan
- iv. Pemberian insentif tangkapan bagi pendaratan ikan di PPLTB.

Dalam pada itu, pembinaan kilang air batu berkapasiti 300 metrik tan juga dalam perancangan untuk dibangunkan dan dijangka akan siap pada bulan Ogos 2018. Dengan adanya kemudahan tersebut turut dapat membantu mengurangkan kos kepada pengusaha vesel untuk mendapatkan bekalan air batu.